

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 (22)

Tarikh : 17 November 2016

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 4/2016

PENYELARASAN STANDARD DIPLOMA EKSEKUTIF DENGAN DASAR PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN PENGANUGERAHAN KREDIT [APEL(C)]

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 3/2013: Penggunaan Standard Diploma Eksekutif bertarikh 15 April 2013.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah melancarkan 'Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu Bagi Tujuan Penganugerahan Kredit [GGP: APEL(C)]' pada 27 September 2016. Melalui dasar APEL(C), pelajar yang berdaftar dengan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia layak mengemukakan permohonan bagi mendapatkan pindahan kredit berdasarkan pengalaman pembelajaran terdahulu.

3. Sejarar dengan pelaksanaan APEL(C), **penganugerahan kredit berasaskan pengalaman terdahulu** bagi program yang ditawarkan oleh PPT **termasuk bagi program Diploma Eksekutif wajib mengguna pakai instrumen APEL(C)**.

4. Justeru, penguatkuasaan pindahan kredit berdasarkan GGP: APEL(C) melibatkan **pindaan terhadap Standard Diploma Eksekutif** seperti berikut:

- (i) Pemindahan atau pengecualian 30 kredit secara blok yang diperolehi melalui 3 tahun pengalaman kerja **tidak lagi dibenarkan**;
- (ii) Pemindahan maksimum sebanyak 30 kredit perlu dinilai berdasarkan instrumen APEL(C); dan
- (iii) Kriteria penilaian dan pemindahan kredit bagi setiap pelajar adalah berbeza tertakluk kepada instrumen APEL(C).

Standard Diploma Eksekutif yang terkini boleh dimuat turun di laman web MQA, www.mqa.gov.my.

5. Berdasarkan Perkara 4 (ii) dan 4 (iii) di atas, PPT yang menawarkan program Diploma Eksekutif perlu **memohon dan mendapatkan kelulusan MQA** untuk melaksanakan APEL(C).

6. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap ketetapan baharu ini adalah seperti dalam jadual di bawah:


BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	1 Disember 2016 sehingga 30 November 2017	Tempoh transisi bagi semua program Diploma Eksekutif yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk: <ul style="list-style-type: none">• mendapatkan kelulusan MQA bagi melaksanakan APEL(C); dan• mengemukakan kurikulum program Diploma Eksekutif dengan jumlah kredit bergraduat minimum sebanyak 90 kredit. Kegagalan PPT dalam mematuhi ketetapan ini boleh mengakibatkan akreditasi program ditarik balik.
2.	1 Januari 2017	Semua program baharu Diploma Eksekutif perlu: <ul style="list-style-type: none">• mendapatkan kelulusan MQA bagi melaksanakan APEL(C) sebelum memohon Akreditasi Sementara; dan• mengemukakan kurikulum program Diploma Eksekutif dengan jumlah kredit bergraduat minimum sebanyak 90 kredit.

7. Perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

Emel: mrujhan@mqa.gov.my

Tel: +603-7968 7002

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

8. Ketua Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR